


# **BAB 5**

# **IKATAN KIMIA**



# Subtopik

5.1

Asas Pembentukan Sebatian

5.2

Ikatan Ion

5.3

Ikatan Kovalen

5.4

Ikatan Hidrogen

**5.5**

Ikatan Datif

**5.6**


Ikatan Logam

**5.7**

Sebatian Ion & Sebatian Kovalen




# 5.1 Asas Pembentukan Sebatian

- Sebatian ialah sebarang bahan yang terbentuk daripada **gabungan kimia** dua atau lebih unsur dalam nisbah yang tetap.
  - Apabila atom — atom bergabung bersama membentuk sebatian, biasanya melibatkan perubahan dalam susunan elektron di petala terluar setiap atom
  - Elektron ini membentuk hubungan yang dipanggil **ikatan kimia** antara atom — atom.
- Gas adi ialah unsur — unsur **Kumpulan 18** dan wujud sebagai gas monoatom serta tidak reaktif secara kimia kerana telah mencapai susunan elektron duplet dan oktet yang stabil.
- Bagi atom unsur lain, kestabilan susunan elektron boleh dicapai melalui **pemindahan** dan **perkongsian elektron**.
  - **Ikatan kimia** terbentuk apabila berlakunya pemindahan dan perkongsian elektron.
  - Terdapat 2 jenis ikatan kimia, iaitu **ikatan ion** dan **ikatan kovalen**.
  - Ikatan kimia hanya melibatkan **elektron valens** sahaja




## 5.2 Ikatan Ion

- Ikatan ion atau ikatan elektrovalens adalah **daya tarikan elektrostatik yang kuat** antara **ion yang berlawanan cas** hasil daripada pemindahan elektron.
- Ikatan ion terbentuk melalui **pemindahan elektron** antara **atom logam dengan atom bukan logam**.
- Kedua – dua ion ini mempunyai susunan elektron yang penuh di petala terluar iaitu setara dengan susunan elektron stabil gas adi.




# Pembentukan Ion

Untuk mencapai susunan elektron yang stabil, atom natrium, Na perlu menderma satu elektron. Proses menderma satu elektron dari petala valens atom natrium, Na adalah lebih mudah, berbanding dengan menerima tujuh elektron daripada atom lain.



2.8.1  
Atom natrium, Na

Dermas satu elektron




2.8  
Ion natrium, Na<sup>+</sup>

Selaras menerima elektron valens, ion natrium, Na<sup>+</sup> mencapai susunan elektron oktet yang stabil.


Ion natrium, Na<sup>+</sup> mempunyai 11 proton dan 10 elektron, maka cas bagi ion natrium, Na<sup>+</sup> adalah +1.

Untuk mencapai susunan elektron yang stabil, atom fluorin, F akan menerima satu elektron. Proses menerima satu elektron ke petala valens atom fluorin, F adalah lebih mudah, herbanding dengan menerima tujuh elektron kepada atom lain.



2.7  
Atom fluorin, F

Terima satu elektron



2.8  
Ion fluorida, F<sup>-</sup>

Persamaan setengah bagi pembentukan ion fluorida, F<sup>-</sup>:

$$F + e^- \longrightarrow F^-$$


## Pembentukan ion natrium, Na<sup>+</sup>

- Atom logam **menderma** elektron valens untuk **membentuk** ion **positif** atau **kation**.
- Apabila atom menderma elektron, ia menjadi bercas positif kerana **bilangan proton** adalah **lebih** daripada elektron di dalamnya.

## Pembentukan ion fluorida, F<sup>-</sup>

- Atom bukan logam **menerima** elektron daripada atom logam untuk **membentuk** ion **negatif** atau **anion**.
- Apabila atom menerima elektron, ia menjadi bercas negatif kerana **bilangan elektron** adalah **lebih** daripada proton di dalamnya.

# Pembentukan Ikatan Ion






*Pembentukan sebatian natrium fluorida, NaF*

- Sebatian ion terbentuk apabila **ion yang berlainan cas tertarik antara satu sama lain** untuk membentuk ikatan ion.
  - Ion positif dan negatif diikat bersama oleh **daya tarikan elektrostatik yang kuat**.
- Daya tarikan elektrostatik yang kuat di antara ion dengan cas yang bertentangan dikenali sebagai **ikatan ion**.


## 5.3 Ikatan Kovalen

- Ikatan kovalen terbentuk apabila atom-atom bukan logam berkongsi elektron untuk mencapai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil.
  - Setiap satu pasangan elektron yang dikongsi dianggap sebagai satu ikatan kovalen.
  - Ikatan kovalen antara dua atom membentuk molekul.



# Jenis Ikatan Kovalen

## 1. Ikatan Tunggal



- Ikatan tunggal terbentuk apabila dua atom berkongsi **sepasang elektron**.

## Struktur Lewis




Rajah 5.8 Struktur Lewis bagi pembentukan molekul klorin,  $\text{Cl}_2$


- Pembentukan ikatan kovalen boleh digambarkan dengan menggunakan **struktur Lewis**.
- Struktur Lewis hanya menunjukkan elektron valens bagi atom yang terlibat.
- Sepasang elektron yang dikongsi boleh diganti dengan satu garisan antara dua atom.

## 2. Ikatan Ganda Dua

Atom oksigen, O memerlukan dua elektron untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil.



Dua atom oksigen, O masing-masing menyumbang dua elektron untuk berkongsi dua pasang elektron bagi membentuk ikatan ganda dua di dalam molekul oksigen,  $O_2$ .




Rajah 5.9 Pembentukan ikatan ganda dua di dalam molekul oksigen,  $O_2$ .

- Ikatan ganda dua terbentuk apabila dua atom berkongsi **dua pasang elektron**.

## 3. Ikatan Ganda Tiga

Atom nitrogen, N memerlukan tiga elektron untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil.




Dua atom nitrogen, N masing-masing menyumbang tiga elektron untuk berkongsi tiga pasang elektron bagi membentuk ikatan ganda tiga di dalam molekul nitrogen,  $N_3$ .




Rajah 5.10 Pembentukan ikatan ganda tiga di dalam molekul nitrogen,  $N_3$ .

# Membandingkan Ikatan Ion dengan Ikatan Kovalen




## 5.4 Ikatan Hidrogen

- Ikatan hidrogen ialah **daya tarikan antara atom hidrogen, H yang mempunyai ikatan dengan atom yang tinggi keelektronegatifan.**
- Contoh atom yang tinggi keelektronegatifan ialah, nitrogen, N, oksigen, O atau fluorin, F dengan atom nitrogen, N, oksigen, O atau fluorin, F di dalam molekul lain.




# Peranan Ikatan Hidrogen dalam Kehidupan Harian

- Membentuk dimensi molekul protein
- Mewujudkan ketegangan permukaan air
- Membolehkan ais terapung
- Menjadi pelarut yang baik




## Kesan Ikatan Hidrogen ke atas Sifat Fizik Bahan



- Sebatian dalam bentuk cecair mencapai takat didih apabila daya tarikan antara molekul dapat diatasi.
- Lebih banyak tenaga haba diperlukan untuk mengatasi daya tarikan van der Waals yang lemah di samping memutuskan ikatan hidrogen.
- Oleh itu, takat didih etanol, C<sub>2</sub>H<sub>5</sub>OH adalah tinggi.


# 5.5 Ikatan Datif




Ikatan datif atau ikatan koordinat merupakan **sejenis ikatan kovalen yang mana pasangan elektron yang dikongsi berasal daripada satu atom sahaja.**

## 5.6 Ikatan Logam

- Atom logam tersusun secara rapat dan teratur dalam keadaan pepejal.
- Elektron valens atom logam boleh didermakan dengan mudah dan boleh **dinyahsetempatkan** walaupun dalam keadaan pepejal.
  - Ion logam yang beras positif terbentuk apabila elektron valens dinyahsetempatkan.
- Semua elektron valens yang dinyahsetempatkan boleh bergerak bebas di antara struktur logam dan membentuk **lautan elektron**.
- Daya tarikan elektrostatik antara lautan elektron dan ion logam beras positif membentuk **ikatan logam**.



# Kekonduksian elektrik logam





*Rajah 5.20 Kekonduksian elektrik logam*

- Apabila elektron pada atom logam dinyahsetempatkan di dalam lautan elektron, logam dapat mengkonduksikan elektrik.
- Elektron yang bergerak bebas di dalam struktur logam membawa cas dari terminal negatif ke terminal positif apabila elektrik dibekalkan.

## 5.7 Sebatian Ion dan Sebatian Kovalen

Sifat	Sebatian Ion	Sebatian Kovalen
Kekonduksian elektrik	Tidak boleh mengkonduksikan elektrik dalam keadaan pepejal tetapi boleh mengkonduksikan elektrik dalam keadaan leburan dan larutan akueus	Tidak boleh mengkonduksikan elektrik dalam semua keadaan.
Keterlarutan di dalam Air dan Pelarut Organik	Larut di dalam air tetapi tidak boleh larut di dalam pelarut organik.	Tidak boleh larut di dalam air tetapi boleh larut di dalam pelarut organik.
Takat Lebur dan Takat Didih	Mempunyai takat lebur dan takat didih yang tinggi. Oleh itu, sebatian ion tidak meruap dengan mudah.	Mempunyai takat lebur dan takat didih yang rendah. Oleh itu, molekul ringkas sebatian kovalen meruap dengan mudah.

# Struktur Sebatian Kovalen

Molekul ringkas	Sebatian Kovalen Contoh	Molekul gergasi
 <p>Air, <math>\text{H}_2\text{O}</math>      Karbon dioksida, <math>\text{CO}_2</math></p>	<b>Struktur</b> <b>Ikatan Kimia</b>	 <p>Silikon dioksida, <math>\text{SiO}_4</math></p>
Struktur yang kecil dan ringkas, boleh didapati dalam bentuk pepejal, cecair atau gas.		Struktur yang sangat besar, biasanya didapati dalam bentuk pepejal.
Ikatan kovalen yang kuat di dalam molekul dan daya tarikan van der Waals yang lemah antara molekul.		Ikatan kovalen yang kuat di dalam molekul sahaja. Tiada daya tarikan van der Waals antara molekul kerana struktur gergasinya.
Rendah kerana hanya sedikit haba diperlukan untuk mengatasi daya tarikan van der Waals yang lemah antara molekul.	<b>Takat lebur &amp; takat didih</b>	Tinggi kerana banyak haba diperlukan untuk memutuskan ikatan kovalen yang kuat.

# Kegunaan Sebatian Ion dan Sebatian Kovalen dalam Kehidupan Harian

## Sektor Perindustrian

Sebatian ion litium iodida,  $\text{LiI}$  digunakan di dalam bateri.

Cat mengandungi sebatian kovalen seperti pigmen dan pelarut turpentin.

## Sektor Perubatan

Sebatian ion natrium bikarbonat,  $\text{NaHCO}_3$  digunakan di dalam antacid untuk melegakan gastrik.

Parasetamol,  $\text{C}_8\text{H}_9\text{NO}_2$  merupakan sebatian kovalen yang digunakan untuk merawat sakit seperti demam atau keradangan.



## Sektor pertanian

Sebatian ion ammonium nitrat,  $\text{NH}_4\text{NO}_3$  dan kalium klorida,  $\text{KCl}$  digunakan di dalam baja.

Racun perosak yang digunakan untuk membunuh rumput dan serangga perosak mengandungi sebatian kovalen seperti bromoetana,  $\text{C}_2\text{H}_5\text{Br}$  dan kloropikrin,  $\text{CCl}_3\text{NO}_2$

## Kegunaan Rumah

Detergen mengandungi sebatian ion natrium klorat(V),  $\text{NaClO}_3$  yang digunakan untuk kerja pembersihan rumah.

Glicerol,  $\text{C}_3\text{H}_8(\text{OH})_3$  merupakan sebatian kovalen yang ditambah ke dalam produk penjagaan kulit untuk melembapkan kulit dan membantu mencegah kulit kering.



**CLARA VELNA LUIS  
4 STEM 1  
SMK BANDARAYA KK**

**GURU PEMBIMBING :  
PN. JAMU BINTI JAMARI@SAHIRI**